



Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 13, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832511  
Faks :603-888856188

## **MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

### **KENYATAAN AKHBAR**

21 Mei 2009

### **SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1) DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

#### **21 Mei 2009**

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin memaklumkan bahawa sehingga pukul 8.00 pagi, 21 Mei 2009 Bilik CPRC Kebangsaan telah menerima notifikasi pada keseluruhannya sebanyak 172 kes dari seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, Malaysia masih kekal dengan dua (2) kes yang telah disahkan positif influenza A(H1N1) pada 15 dan 16 Mei 2009 yang lalu, 168 kes lagi telah disahkan bebas dari jangkitan influenza A(H1N1) manakala dua (2) kes masih menunggu keputusan ujian makmal.

Kes pertama jangkitan influenza A(H1N1) masih berada di Hospital Sungai Buloh untuk pemerhatian. Beliau dilaporkan sihat dan dijangka akan didiscaj pada 22 Mei 2009. Sementara itu, kes kedua yang berada di Hospital Pulau Pinang telah di discaj pada hari ini. Semua kontak kepada kedua-kedua kes tersebut juga telah tamat tempoh kuarantin dan pengawasan. Dengan ini tiada penularan tempatan berlaku.

Dua (2) penumpang warga negara Amerika Syarikat yang merupakan kontak kepada warga negara Hong Kong yang disahkan positif

terhadap influenza A(H1N1), masih diletakkan di bawah 'home-quarantine'. Kedua-dua berada dalam keadaan sihat. Mereka akan dikuarantin sehingga 23 Mei 2009.

Untuk semalam, sehingga 21 Mei 2009, jam 8 pagi, Bilik CPRC Kementerian telah menerima sebanyak 16 notifikasi kes yang dimasukkan ke wad isolasi di tujuh (7) buah Hospital Rujukan Influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan iaitu empat (4) kes di Hospital Sungai Buloh, Selangor, empat (4) kes di Hospital Kuala Lumpur, dua (2) kes di Hospital Sultanah Aminah, Johor, dua (2) kes di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban, dua (2) kes di Hospital Queen Elizabeth Sabah, satu (1) di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Pahang dan satu (1) di Hospital Pulau Pinang. Kesemuanya disahkan bebas daripada jangkitan influenza A(H1N1) melalui ujian makmal yang dijalankan di Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) kecuali dua (2) kes dari Sabah yang sedang menunggu keputusan makmal.

Sehingga 21 Mei 2009 jam 8.00 pagi Malaysia, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan sebanyak 41 buah negara terjejas dengan influenza A(H1N1). Kumulatif kes adalah sebanyak 10,587 kes influenza A(H1N1) disahkan oleh ujian makmal dengan peningkatan sebanyak 732 kes berbanding dengan laporan pada hari sebelumnya. Peningkatan ini dilaporkan di tiga belas (13) buah negara iaitu di USA (587), Mexico (86), Jepun (34), UK (7), Panama (6), Sepanyol (4), Australia (2), China (1), Chile (1), Itali (1), Norway (1), Perancis (1) dan Peru (1). Terdapat lima (5) lagi kematian dilaporkan berlaku iaitu tiga (3) kes di USA dan dua (2) kes di Mexico menjadikan keseluruhan kematian kepada 84 orang.

Untuk semalam, pada 21 Mei 2009 jam 8.00 pagi, seramai 10,335 individu yang tiba dari negara terbabit telah disaring. Daripada jumlah

tersebut, 8,476 (82%) orang disaring di pintu masuk udara, 319 (3.1%) di pintu masuk laut dan 1,540 (14.9%) di pintu masuk darat. Sebanyak dua (2) kes yang dikesan dipintu masuk telah dirujuk ke Hospital Sungai Buluh untuk pemeriksaan lanjut.

Sehingga 21 Mei 2009, kumulatif penumpang yang disaring di semua pintu masuk adalah seramai 140,469 orang dimana 125,010 (89%) disaring di pintu masuk udara, 9142 (6.5%) di pintu masuk darat dan 6317 (4.5%) di pintu masuk laut. Daripada jumlah tersebut, 36 orang telah dirujuk ke hospital Rujukan Influenza A (H1N1) untuk penyiasatan.

KKM meminta orang ramai agar tidak bimbang dengan situasi influenza A(H1N1) di negara ini. Malaysia tidak mempunyai transmisi tempatan. Kes yang berlaku di Malaysia adalah merupakan kes pembawaan dari luar. Walau bagaimanapun, saya menasihatkan orang ramai agar sentiasa mengambil perhatian serius terhadap situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan. Maklumat terkini mengenai influenza A(H1N1) ini boleh diperolehi melalui laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari masa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

**DATO' SRI LIOW TIONG LAI**  
Menteri Kesihatan Malaysia

Tarikh: 21 Mei 2009